

PANDUAN AM
KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN SOKONGAN II & III

1. Pelaksanaan

- 1.1 Tarikh : 22 – 30 Disember 2010
- 1.2 Tempat : Tamansiswa, Bandar Darulaman Jitra Kedah
- 1.3 Daftar Masuk : Mulai jam 6.00 ptg hingga 9.00 mlm pada 21 Dis 2010 atau 7.30 pagi pada 22 Dis 2010 di Pejabat Am Tamansiswa.
- 1.4 Pendaftaran Kursus : 8.00 hingga 8.15 pagi (22 Dis 2010 – Rabu)
- 1.5 Perasmian Kursus : 8.30 pagi (Dewan Mahsuri) (22 Dis 2010 – Rabu)
- 1.6 Masa Kursus : 8.15 pagi – 10.30 malam (22 & 23 Disember)
: 8.15 pagi – 4.30 petang (26 – 30 Disember 2010)
- 1.7 Ujian : 30 Disember 2010 (Khamis) jam 2.30 – 3.30 ptg

2. Penginapan pada 22 & 23 Dis 2010 dan kemudahan sukan/riadah adalah disediakan. Sila hubungi Encik Ahmad Zailani Awang (Tamansiswa) di talian 04-9199106 atau 0134021958.

3. Sajian

Sajian akan disediakan oleh pihak Penganjur termasuk sarapan pagi, minum pagi, makan tengahari, minum petang, makan malam dan minum malam. Sila rujuk jadual program.

4. Tatatertib

- 4.1 Semua peserta dikehendaki mengikuti program yang dijadualkan dan menepati waktu;
- 4.2 Setiap peserta dinasihatkan menjaga tingkah laku dan tutur kata supaya imej Universiti Utara Malaysia sentiasa terpelihara.

5. Pakaian

- 5.1 Semasa Sepanjang Slot Ceramah dan Peperiksaan Akhir
 - 5.1.1 Pakaian rasmi waktu bekerja harian – sesi siang
 - 5.1.2 Pakaian kasual, slack & t-shirt berkolar (jeans & t-shirt tanpa kolar tidak dibenarkan) – sesi malam
- 5.2 Semasa sesi Pembangunan Diri & Kumpulan dan Riadah
 - 5.2.1 Track-bottom
 - 5.2.2 T-Shirt berkolar lengan pendek (Lelaki)/lengan panjang (Perempuan)
 - 5.2.3 Kasut sukan

6. Kehadiran

- 6.1 Kehadiran adalah **wajib, peserta tidak dibenarkan meninggalkan Kursus Induksi ketika berlangsung kecuali dengan kebenaran pihak Urusetia;**
- 6.2 Sekiranya tidak dapat menghadirkan diri, peserta mesti memaklumkan kepada Urusetia dan mendapat sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab;
- 6.3 Setiap peserta dikehendaki **sentiasa membawa 'smart card'** dan merakamkan kehadiran pada **card reader** yang disediakan oleh Urusetia. **Waktu rakam kehadiran sesi pagi sebelum 8.15 pagi, sesi petang 2.15 ptg dan sesi malam 8.15 mlm.**
- 6.4 Sijil akan dikeluarkan kepada peserta yang mempunyai kehadiran penuh masa sahaja.

7. Rekod Tugas Rasmi

- 7.1 Sila keyin Permohonan Tugas Rasmi (Sistem PERSIS) di dalam portal masing-masing sepanjang tempoh menghadiri kursus ini.